



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang,
Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
2755, Jalan Sentosa
86000 Kluang, Johor Darul Takzim.

Tel : 07-7722946
Laman Web : www.ppdkluang.edu.my

Ruj Kami : PPDKLG.600-4/1/13 ()
Tarikh : 05 JUN 2025

Pengetua dan Guru Besar,
Sekolah Menengah Dan Rendah Daerah Kluang
(u/p: GPK Ko Kurikulum Dan Pengurus Pasukan Hoki)

Tuan,

KEJOHANAN HOKI BAWAH 12 DAN 18 TAHUN MAJLIS SUKAN SEKOLAH DAERAH KLUANG TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan SMK SERI INTAN selaku pengelola Kejohanan Hoki Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah Kluang akan menganjurkan **Kejohanan Hoki Majlis Sukan Sekolah Daerah (MSSD) Kluang Tahun 2025** seperti ketetapan berikut :

Tarikh : 24 dan 25 Jun 2025 (SEKOLAH RENDAH)
25 dan 26 Jun 2025 (SEKOLAH MENENGAH)
Tempat : Padang Hoki Astro Turf, UTHM
Masa : 7.00 pagi hingga 6.30 petang.

3. Sebagaimana telah diputuskan dalam Mesyuarat Pengurusan Kejohanan Hoki di SMK Seri Intan pada 26 Mei 2025 bahawa setiap sekolah yang menyertai kejohanan ini dikenakan bayaran sebanyak RM 250.00 untuk setiap pasukan. Bayaran ini adalah untuk urusan pengelolaan.

4. Pembayaran boleh dibuat ke dalam akaun SUWA sekolah atas nama **SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI INTAN** secara **CEK sahaja (tunai atau Online transfer tidak dibenarkan)** kepada pengelola selewat-lewatnya sebelum atau pada 17 Jun 2025 (Selasa).

5. Kerjasama daripada pihak tuan amat kami hargai. Sebarang pertanyaan hendaklah diajukan kepada En. Mohd Mubin Yazzer Bin Tulos (Pen. PPD Pembangunan Bakat Murid) di talian 07-7741103.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan. Terima kasih.

"SYNERGY IN EXECUTION : CONQUER THE CHALLENGE"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(HJ. AYUB BIN IBRAHIM)
Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang.

s.k 1. Pengerusi Teknik MSSD Hoki Daerah
2. Fail